

# ANALISIS HUKUM PENYAMARAN JEMAAH HAJI DAN UMRAH SEPERTI DALAM KEADAAN BERIHRAM DENGAN TUJUAN MELAKUKAN TAWAF SUNAT DAN TAWAF WADA'

Hj. Lukmanul Hakim Hj. Hanafi <sup>i</sup>, Ahmad Syukran Baharuddin <sup>ii</sup>, Syahirah Abdul Shukor <sup>ii</sup>, Nik Salida Suhaila Nik Salleh <sup>ii</sup>, Wan Abdul Fattah <sup>ii</sup>, Raja Razif Bin Raja Shahruddin <sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: [lukmanul@usim.edu.my](mailto:lukmanul@usim.edu.my)

<sup>ii</sup> Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

## ABSTRAK

Artikel ini bertujuan menerangkan dan menjelaskan bagaimana kedudukan dan hukum Tawaf Wada' serta Tawaf Sunat di Dataran Kaabah bagi jemaah haji dan umrah yang menipu memakai ihram ketika ini di Musim Endemik selepas berakhirnya Musim Pandemik Covid-19 dari justifikasi undang-undang Kerajaan Arab Saudi dan Perspektif Fiqh, al-Quran, dan Hadis Rasulullah saw. Bagi mencapai objektif penulisan ini, method keperpustakaan atau analisa dokumen digunakan untuk menganalisa semua dokumen berkaitan yang dikumpul. Dapatkan kertas kerja ini mendapat hukum menunaikan Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat di Dataran Kaabah bagi jemaah haji dan umrah yang menipu memakai ihram ketika ini adalah haram, berdosa serta termasuk dalam adab dan akhlak Mazmumah dan dibimbangi akan menganggu kemaburuan Haji dan Umrah berdasarkan Fiqh, al-Quran, hadis Rasulullah saw dan Maqasid Syariah. Manakala justifikasi dan keputusan yang diputuskan oleh Undang-undang kerajaan Arab Saudi yang membenarkan Tawaf di Dataran Kaabah hanya untuk Jemaah Haji pada Musim Haji sahaja dan Jemaah Umrah bagi yang menunaikan Ibadat Umrah sahaja adalah tepat dan selari dengan Al-Quran dan As-Sunah, Fiqh dan Maqasid Syariah bagi mengelakkan Masyaqqah, Zahmah, bersesak-sesak dan kemudharatan serta penularan Penyakit Covid-19 dan Influenza yang mana mempunyai hikmahnya yang tersendiri. Diharapkan, hasil penulisan ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada bakal-bakal jemaah Haji dan Umrah yang akan datang agar dapat mengikuti dan mentaati undang-undang Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat yang ditetapkan oleh Ulil' Amri iaitu Pemerintah Kerajaan Arab Saudi dan menyakini hikmahnya dalam melaksanakan Ibadat Haji dan Umrah berdasarkan akhlak mahmudah seterusnya memperolehi Haji dan Umrah yang Mabrur.

**Kata-kata kunci:** Tawaf Wada', Tawaf Sunat, Dataran Kaabah, Endemik Covid19, Justifikasi, Hukum Fiqh, Al-Quran, Hadis

## DEFINISI IBADAT HAJI DAN UMRAH

Syeikh Dr Wahbah Al-Zuhaili menyebut takrif Haji dengan berkata: "Menziarahi tempat tertentu dalam masa tertentu untuk pekerjaan tertentu. Sebutan ziarah bermaksud pergi, tempat tertentu pula bermakna "Kaabah" dan Arafah"; masa tertentu pula bermaksud "pada bulan Syawal,

Zulkaedah dan Zulhijah, khususnya 10 hari bahagian awal dalam bulan tersebut. Perbuatan tertentu pula bermaksud "datang ke tempat tertentu dengan berihram dan berniat untuk mengerjakan haji.

Syeikh Dr Wahbah Al-Zuhaili juga mengulas takrif umrah dari segi bahasa bermakna ziarah atau dengan makna lain menuju ke tempat yang makmur. Ia sesuai dinamakan demikian kerana ia boleh dilakukan sepanjang umur seseorang. Definisi umrah mengikut syara' ialah mengunjungi Kaabah untuk melakukan ibadah (النُّسُك) iaitu tawaf dan saie. Ibadat Haji tidak dapat menampung dan mengantikannya walaupun ia juga mengandungi tawaf dan saie (Al-Zuhaili: 1999).

## PENSYARIATAN IBADAT HAJI DAN UMRAH DARI PERSPEKTIF AL-QURAN DAN HADIS

Ibadat Fardhu Haji termasuk juga Umrah merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang lima. Hukumnya ialah fardhu ain ke atas setiap orang Islam yang mukallaf dan mampu. firman Allah SWT :

﴿وَأَقِمُوا الْحُجَّةَ وَالْعُمْرَةَ لِلّٰهِ﴾ [البقرة: 196-196]

Maksudnya: "Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah SWT"

(al-Baqarah 2: 196)

Sabda Rasulullah SAW:

بُنِيَّ الإِسْلَامُ عَلَىٰ حَمْسٍ: شَهَادَةُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَحَجَّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ  
رمضان

Maksudnya: "Didirikan Islam itu diatas lima rukun: Pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah SWT dan bahwasanya Muhammad SAW itu pesuruh Allah SWT, mendirikan Sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan Haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadhan."

(Riwayat Bukhari: 1987: 7 dan Muslim: 2007: 21)

Mengikut pendapat yang sahih, ia difardhukan pada penghujung tahun ke 9 hijrah. Ini berdasarkan ayat al-Qur'an mengenai kefardhuannya iaitu firman Allah SWT:

﴿... وَلَهُ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ﴾ [آل عمران: 97]

Maksudnya: "Dan Allah SWT mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah SWT Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

(Surah al-Imran 3: 97)

Ayat tersebut telah diturunkan pada tahun rombongan iaitu pada penghujung tahun ke-9 Hijrah. Ini adalah pendapat kebanyakan ulama'. Dengan itu Rasulullah SAW tidaklah melewatkannya pelaksanaannya sehingga satu tahun. Rasulullah SAW hanya melakukan ibadat ini dalam tahun ke-10 hijrah dengan bersebab iaitu ayat ini turun setelah masa mengerjakannya berlalu. Pekerjaan haji yang Rasulullah SAW lakukan selepas hijrah adalah sekali iaitu di tahun ke 10 Hijrah seperti yang diriwayatkan oleh Ahmad dan Muslim (Al-Zuhaili: 1999: 4).

Hal ini juga berdasarkan hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, yang mana sabda Rasulullah SAW kepada rombongan Abd al-Qais yang menemui Baginda pada awal tahun 9 hijrah, dan bertanya tentang perintah yang wajib mereka lakukan;

أَمْرُكُمْ بِإِيمَانِكُمْ بِاللَّهِ، وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَالْحُجَّةِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ، وَأَنْ تُعْطُوا الْخَمْسَ مِنَ الْمَعْنَمِ

Maksudnya: "Aku perintahkan kamu beriman kepada Allah SWT mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan menyerahkan 1/5 daripada harta rampasa perang".

(Riwayat Bukhari: 1987: 7556)

Justeru sekiranya telah difardhukan sebelum tarikh tersebut tentulah Baginda SAW menyebutkannya bersama-sama perintah yang diarahkan kepada mereka (Al-Zuhaili: 1999:5).

## HUKUM DAN KEDUDUKAN IBADAT HAJI DAN UMRAH DARI PERSPEKTIF FIQH ISLAMI

Ibadat haji merupakan rukun Islam yang kelima. Ia diwajibkan oleh Allah SWT ke atas orang yang mampu sekali sahaja sepanjang hayatnya. Begitu juga ibadat umrah. Mengikut pendapat ulama' Mazhab Shafi'i dan hambali, kedua-dua ibadat tersebut adalah wajib dilakukan berdasarkan firman Allah SWT: (Al-Bakri : 2011: 68).

[196] ﴿ وَأَقُوا أَلْحَجَ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ﴾ [البقرة: 196]

Maksudnya:"Dan Sempurnakanlah Ibadat Haji dan Umrah Kerana Allah SWT"

(al-Baqarah: 2: 196)

Nabi Muhammad SAW telah melakukan umrah sebanyak empat kali, semuanya dalam bulan Zulkaedah kecuali yang dilakukan bersama dengan hajinya.Kali pertama Baginda SAW melakukannya dalam tahun keenam hijrah dilakukan dari Hudaibiyah: kali kedua pada tahun ketujuh hijrah iaitu umrah qada'; kali ketiganya dalam tahun kelapan hijrah, iaitu tahun pembukaan Makkah; dan kali keempatnya dikerjakan bersama dengan hajinya iaitu Baginda SAW berihram pada bulan Zulkaedah dan melakukannya dalam bulan Zulhijah.

Al-Qadi Husain, seorang ulama' daripada Mazhab Syafi'i berkata; "Ibadat haji adalah paling afdhal (utama) kerana ia meliputi penggunaan harta dan amalan fizikal". Al-Halimi pula berkata; "Ibadat haji merangkumi semua pengertian ibadat; orang yang mengerjakan haji seolah-olah dia berpuasa, bersembahyang, ber'i'tiqaf, berzakat dan berjuang serta berperang di jalan Allah SWT. Kita diajak untuk mengerjakan haji ini sejak kita masih lagi dalam sulbi para bapa. Ibadat haji merupakan ibadat paling utama sama dengan keimanan itu sendiri". (Al-Zuhaili: 1999: 6).

## SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH

Haji adalah salah satu dari rukun Islam yang wajib kepada umat Islam yang cukup syarat dan berkemampuan. Maka bermula syarat jatuhnya wajib keatas umat Islam menunaikan ibadat haji dan umrah jika memenuhi lima perkara iaitu Islam, baliqh, berakal, merdeka dan berkuasa. (Al-Fatani. 2004: 104).

### Syarat Wajib Haji dan Umrah Dalam Kitab Fiqh

#### *Islam*

Ibadat haji dan umrah tidak wajib menunaikannya keatas orang bukan Islam. Ini adalah kerana kedua-duanya merupakan 'ibadat yang tidak dituntut ke atas mereka di dunia ini, malah tidak sah jika mereka melakukannya kerana Islam merupakan satu daripada syarat sah 'ibadat.

#### *Baligh*

Ibadat haji dan umrah tidak wajib menunaikannya keatas orang yang belum baligh seperti kanak-kanak. Hal ini disebabkan dia tidak dianggap mukallaf. Tetapi sekiranya kanak-kanak tersebut menunaikan haji dan umrah, maka haji dan umrahnya adalah sah dan dikira sebagai haji dan umrah sunat. (Lembaga Tabung Haji Malaysia: 2008. 16-177)

#### *Berakal*

Ibadat haji dan umrah tidak wajib ke atas orang gila atau tidak waras akalnya disebabkan dia tidak mampu membezakan suruhan dan tegahan.

#### *Merdeka*

Ibadat haji dan umrah tidak wajib keatas hamba sahaya disebabkan dia tidak memiliki sebarang harta. malah dirinya sendiri dan apa juar yang dimiliki adalah milik tuannya.

#### *Berkemampuan/ Istiito'ah (استطاعة)*

Istiito'ah bermaksud kemampuan untuk mengerjakan haji dan umrah. 'Ibadat haji dan umrah hanya wajib ke atas orang yang berupaya dan berkemampuan. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT:

﴿وَلَهُ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلٌۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ﴾ [آل عمران: 97]

Maksudnya: "Dan Allah SWT mewajibkan manusia mengerjakan ibadat haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat haji itu), maka sesungguhnya Allah SWT Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk".

(Surah al-Imran:3: 97)

Hal ini juga berdasarkan Hadis Rasulullah SAW:

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا يُوْجِبُ الْحَجَّ، قَالَ:  
الزَّرَادُ وَالرَّاحِلَةُ

Maksudnya: "Daripada Ibnu Umar R.A. katanya, "Seseorang lelaki menemui Nabi Muhammad SAW dan berkata, wahai Rasulullah, Apakah antara sebab yang mewajibkan haji? Baginda SAW bersabda, ada bekalan dan kenderaan".

(Riwayat al-Tarmizi: 818)

Perkataan bekalan dan kenderaan dalam hadis ini mentafsirkan maksud perkataan berkemampuan dalam ayat al-Quran tersebut. (al-Khin, al-Bugha, al-Syarbaji: 2004: 21-24)

Di antara maksud dan syarat-syarat berkemampuan ialah:

1. Aman perjalanan pergi dan balik.
2. Cukup perbelanjaan dan nafkah pergi dan balik untuk dirinya.
3. Cukup keperluan nafkah asas bagi orang dibawah tanggungannya.
4. Ada kenderaan pergi dan balik.
5. Sihat tubuh badan.

## PENGERTIAN TAWAF

Tawaf bermaksud mengelilingi kaabah dengan syarat-syarat sahnya berserta dengan amalan-amalan sunatnya.

### Syarat Sah Tawaf

1. Suci daripada hadas (Ada Wudhu)  
(Berdasarkan Keputusan Muzakarah Haji Kebangsaan, Tidak batal Wudhuk ketika tawaf jika bersentuh dengan bukan mahram dengan syarat tanpa syahwat)
2. Suci Badan, pakaian dan tempat tawaf daripada Najis
3. Menutup aurat
4. Tawaf bermula dan berakhir daripada sudut hajar Aswad dan disunatkan berniat tawaf umrah. (Jika tawaf sunat/ tawaf nazar/ tawaf wida', maka diwajibkan berniat)

5. Menjadikan Baitullah berada di sebelah kiri dan berjalan ke hadapan
6. Berjalan bertujuan tawaf
7. Mengelilingi Kaabah sebanyak tujuh kali dengan yakin
8. Dilakukan di dalam Masjidil Haram dan di laur dari Hijir Ismail/ Syazarwan

### **Sunat-Sunat Tawaf**

1. Tawaf dalam keadaan berjalan kaki
2. Berittiba' bagi tawaf yang diiringi dengan saie (lelaki)
3. Melakukan ramal (berlari-lari anak) bagi tawaf yang diiringi dengan saie (lelaki)
4. Istilam Hajar Aswad dan mengucupnya, manakala istilam ketika sampai di Rukun Yamani dan tidak mengucupnya
5. Membaca zikir dan doa
6. Melakukan tawaf sebanyak tujuh pusingan berturut-turut
7. Tawaf dengan khusyuk dan tawaduk
8. Sembahyang sunat tawaf setelah selesai melakukan tujuh pusing tawaf

### **Jenis-Jenis Tawaf**

#### **1. Tawaf Qudum**

Tawaf Qudum ialah tawaf selamat datang yang disunatkan bagi mereka yang mengerjakan haji Ifrad dan Haji Qiran atau sekadar menziarahi Makkah. Sunat dilakukan Tawaf Qudum setibanya di Makkah dan harus dilewatkan sehingga sebelum berwuquf.

#### **2. Tawaf Umrah**

Tawaf Umrah ialah Tawaf Rukun yang mesti dilakukan oleh orang yang mengerjakan Umrah, sekiranya tidak dilakukan, maka tidak sah Ibadat Umrahnya.

#### **3. Tawaf Haji**

Tawaf Haji ialah Tawaf Rukun yang mesti dilakukan oleh Jemaah haji setelah masuk waktunya iaitu bermula selepas separuh malam 10 Zulhijah. Sekiranya tidak dilakukan sama ada sengaja atau tidak, maka tidak sempurnalah Ibadat Hajinya. Ia juga dikenali dengan nama Tawaf Ifadah.

#### **4. Tawaf Tahiyat al-Bait**

Tawaf Tahiyat al-Bait ialah Tawaf yang sunat dilakukan bagi menghormati Kaabah sewaktu memasuki Masjidul Haram.

#### **5. Tawaf Sunat**

Tawaf Sunat ialah Tawaf yang sunat dilakukan pada bila-bila masa.

#### **6. Tawaf Nazar**

Tawaf Nazar ialah Tawaf yang mesti ditunaikan seseorang apabila ia berniat nazar pada sesuatu yang dihajatinya, lalu nazarnya dikabulkan Allah swt, maka wajib baginya Tawaf Nazar.

## 7. Tawaf Wada' atau Selamat Tinggal

Tawaf Wada' ialah Tawaf Selamat Tinggal yang wajib dilakukan bagi mereka yang hendak meninggalkan Makkah lebih dari 2 Marhalah iaitu lebih kurang 56 batu atau 91 Kilometer dan lebih.

## PENDAHULUAN

Larangan Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat di Dataran Kaabah ini bermula tatkala tindakkan Kerajaan Arab Saudi mengumumkan tidak membenarkan Jemaah Haji dunia yang tinggal diluar negaranya menunaikan ibadat Haji pada musim Haji 2020 yang lalu di Tanah Suci Mekah melainkan hanya membenarkan 10,000 jemaah Haji yang tinggal di dalam negara Arab Saudi sahaja yang boleh menunaikan Ibadat Haji pada tahun tersebut. Kemuncak rasa kekecewaan jemaah Haji dunia ini sekali lagi terpancar apabila Kerajaan Arab Saudi sekali lagi mengumumkan buat tahun kedua berturut-turut bahawa jemah Haji dunia yang tinggal diluar negaranya sekali lagi tidak dibenarkan menunaikan ibadat Haji pada musim Haji 2021 di Tanah Suci Mekah melainkan Kerajaan Arab Saudi hanya membenarkan 60,000 jemaah Haji yang tinggal di dalam Negara Arab Saudi sahaja yang boleh menunaikan Ibadat Haji pada tahun tersebut. Ini bermakna pada kedua-dua tahun iaitu tahun 2020 dan tahun 2021 tiada ibadat umrah dibenarkan sama ada Jemaah di dalam negara Arab Saudi mahu pun jemaah dari seluruh dunia.

Namun begitu alhamdulilah, pada Musim Haji 2022, Kerajaan Arab Saudi telah membuka kembali pintu sempadannya, apabila membenarkan Jemaah haji dunia menunaikan ibadat Haji buat kali pertama selepas hampir dua tahun tiada ibadat Haji bagi Jemaah Dunia yang tinggal di luar Negara Arab Saudi. Namun begitu Quota yang dibenarkan bagi setiap negara adalah kecil iaitu separuh sahaja dari Quota 0.1% yang dibenarkan oleh OIC. Ini sebagai langkah berjaga-jaga Kerajaan Arab Saudi dalam mengawal kehadiran Jemaah Dunia yang ramai disamping bimbang jangkitan penyakit Covid-19 kembali menular. Bagi negara Malaysia, Maka Quota yang diperolehi pada ketika itu adalah 16,400 termasuk Quota tambahan. Jumlah kehadiran Jemaah Dunia menunaikan ibadat Haji pada tahun 2022 adalah lebih kurang 8,76.000 tidak lebih 1 juta jemaah.

Manakala Pada musim Haji tahun ini 2023, Kerajaan Arab Saudi telah kembali membuka pintu sempadannya secara besar-besaran diatas keyakinan berjaya mengawal wabak covid-19 ketika musim Haji 2022. Ini dapat disaksikan apabila semua negara dikurniakan quota penuh 0.1% dari jumlah penduduk negara tersebut berdasarkan undang-undang OIC yang mana Negara Malaysia sebagai contoh dikurniakan Quota penuh 32,600 orang.

Walaupun Kerajaan Arab Saudi telah kembali membuka pintu sempadannya kepada Jemaah Dunia untuk menunaikan ibadat Haji dan Umrah, namun beberapa undang-undang baru ketika melaksanakan ibadat Haji dan Umrah telah diperkenalkan. Ini adalah bertujuan untuk mengekang jangkitan penyakit Covid-19 kembali menular dikalangan Jemaah Haji dan Umrah. Diantaranya

Jemaah Haji dan Umrah hanya dibenarkan beribadat di Dataran Kaabah ketika menunaikan ibadat Rukun dan Wajib Haji dan Umrah sahaja. Manakala bagi jemaah yang tidak melakukan ibadat Haji dan Umrah tetapi ingin beribadat di Masjidul Haram, maka pihak berkuasa Arab Saudi hanya membenarkan beribadat di dalam Masjidul Haram sahaja termasuk di tingkat 1, 2 dan 3 kecuali Dataran Kaabah.

## **PERMASALAHAN**

Permasalahan dan Kesan negatif dari pelakuan ibadat jemaah dunia di Dataran Kaabah bermula pada pertengahan musim Umrah pada tahun 2022, seterusnya menular pada seluruh musim Umrah 2023 dan sehingga kini.

Selepas berjaya mengawal dan menganjurkan kembali ibadat Haji dengan Quota Penuh kepada seluruh Jemaah Haji Dunia mengerjakan Ibadat Haji pada musim Haji 2022 sehingga berakhirnya musim Haji pada tahun tersebut iaitu pada bulan Julai 2022. Maka Kerajaan Arab Saudi mula berani membuka pintu sempadannya kepada Jemaah Dunia untuk melakukan ibadat Umrah pula. Ini kerana dunia ibadat Umrah telah ditutup dan menyepi dari pelaksanaannya hampir 2 tahun lebih iaitu semenjak diserang Pandemik Covid-19 pada Februari 2020 sehingga Julai 2022.

Pada bulan Ogos tahun 2022, iaitu selepas pulang semua Jemaah Haji Dunia dan berakhir Musim Haji 2022. Lahirlah khabar gembira bagi seluruh seluruh Umat Islam, apabila Kerajaan Arab saudi telah mengotakkan janjinya dengan kembali membuka secara rasmi pintu sempadan negaranya bagi menyambut Umat Islam yang ingin melakukan ibadat Umrah.

Namun begitu, ianya perlu dibayar dengan harga yang mahal apabila syarat baru mula diperkenalkan. Syarat baru dan permasalahan ini mula timbul akibat daripada langkah berani keputusan Kerajaan Arab Saudi yang mengumumkan dan memutuskan mulai bulan Ogos musim Umrah 2022, hanya Jemaah yang memakai Ihram untuk menunaikan ibadat Umrah sahaja dibenarkan masuk ke Dataran Kaabah samaada untuk bertawaf Umrah, Solat sunat Tawaf, solat-solat sunat atau solat Fardhu apabila waktu telah masuk dan azan berkumandang, berzikir, melihat Kaabah, berdoa dan lain-lain yang berkaitan ibadat Umrah. Manakala Ibadat lain selain daripada menunaikan ibadat umrah seperti Tawaf Sunat, Tawaf Wada', Tawaf Tahiyatul Ba'it atau Tawaf menghormati Kaabah, Solat Fardhu, Beriktiqaf dan lain-lain tanpa ihram Umrah maka adalah dilarang.

Pada peringkat awal pelaksanaan undang-undang ini iaitu di awal musim Umrah 2022 sekitar Bulan Ogos, September, Oktober dan November, ianya berjalan sangat lancar kerana Jemaah Umrah Dunia mematuhi arahan dan undang-undang tersebut. Ini dapat dilihat, kesan dari pelaksanaan undang-undang baru ini, apabila Dataran Kaabah dilihat sangat luas dan tidak berlaku kesesakan atau Jemaah yang bertawaf tidak ramai seperti mana pada zaman sebelum Covid-19 dahulu. Jemaah Umrah Dunia yang kelihatan di Dataran Kaabah hanya Jemaah yang memakai Ihram dengan melakukan ibadat Umrah seperti bertawaf, solat sunat Tawaf, berzikir dan berdoa serta minum Air Zam-Zam. Manakala Jemaah Umrah Dunia yang tidak melakukan ibadat Umrah dan tidak memakai Ihram kelihatan hanya di dalam Masjidul Haram dengan menunaikan solat Fardhu 5 waktu, solat sunat, membaca Al-Quran, beriktiqaf, berzikir, berdoa, mendengar kuliah-

kuliah Syeikh Masjidul haram, Tawaf Sunat, Tawaf Wada', Tawaf Tahiyatul Ba'it atau Tawaf menghormati Kaabah, minum Air Zam-Zam, bersedeqah dan lain-lain lagi.

Alhamdulilah, Perkara ini disaksikan sendiri oleh kami sebagai pengkaji dan penulis. Selepas bertugas Haji dan menjalankan penyelidikan Haji di musim Pandemik Covid-19 dari Gran yang diterima iaitu pada musim tahun 2022 dan 2023. Selepas pulang dari bertugas Haji pada pertengahan bulan Ogos 2022. Maka pada awal bulan September 2022 di awal musim Umrah 2022 yang baru dibuka kembali, maka kami sebagai pengkaji dan penulis direzekikan oleh Allah swt datang kembali ke Tanah Suci Mekah untuk kembali menyambung Kajian tetapi kali ini dalam kajian ibadat Umrah di Musim Pandemik Covid-19.

ketika kami penulis menjalankan kajian di musim umrah baru bermula buat kali pertama selepas habis musim haji Julai 2022, maka didapati semua jemaah dunia mematuhi undang-undang yang ditetapkan. Kesannya, Dataran Kaabah menjadi sangat lapang kerana Jemaah yang ada di Dataran Kaabah hanyalah mereka yang melakukan Ibadat Umrah iaitu Tawaf Ifadah atau Tawaf Umrah, Solat Sunat Tawaf selepas selesai Tawaf Umrah, Berdoa, Melihat Kaabah, Berzikir dan juga bersujud syukur di depan Kaabah dan kemudian beredar ke tempat Saie. Maka sebab itu objektif yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi mengelakkan kesesakan dan penularan penyakit Covid-19 ketika melaksanakan ibadat Umrah tercapai.

Namun begitu, kepatuhan ini tidak berpanjangan, Hasil dari data serta maklumat dan tinjauan sendiri yang dilakukan oleh kami sebagai penulis dan pengkaji yang mana kami direzekikan lagi pergi 5 x (kali) ke Tanah Suci Mekah pada awal Disember 2022, awal Mac 2023, Musim Haji 2023 dari bulan Jun sehingga bulan Ogos 2023 dan kemudian awal November 2023 yang mana telah masuk musim Endemik. Maka kami dapati, mula timbulnya permasalahan Jemaah Dunia mula menipu memakai ihram dan menyamar sebagai jemaah Umrah menunaikan ibadat Umrah di Dataran Kaabah.

Ianya berlaku di awal bulan Disember 2022 ketika Jemaah Dunia mula berduyun-duyun datang ke Kota Mekah kerana Umrah cuti sekolah dan Umrah cuti musim sejuk sehingga hari ini. Dapatkan mendapati, keadaan telah berubah, apabila Dataran Kaabah dilihat seperti tiada penghujungnya apabila Jemaah Dunia tetap ramai dan sesak. Kesemua mereka memakai ihram tidak kira pada waktu subuh sampailah ke subuh pada keesokkan harinya. Ini yang menjadikan keadaan pelik kerana bagaimana Jemaah boleh padat walaupun undang-undang telah diperkenalkan. Diakhirnya, selepas diamati, ditekuni dan dikaji, maka didapati Jemaah Dunia termasuk Jemaah Malaysia melakukan penipuan. Permasalahan ini berlaku kerana mereka tidak mahu beribadat di dalam Masjidul Haram, tetapi sebaliknya tetap memilih mahu beribadat di Dataran Kaabah dengan alasan jika Tawaf Wada', Tawaf Sunat, Solat Fardhu atau Ibadat sunat yang lain dilakukan di Dataran Kaabah, maka ianya lebih dekat dengan Kaabah, jimat waktu iaitu sekitar 20 hingga 30 minit sahaja dan cepat habis Tawaf serta lebih khusyuk, berbanding solat dan Tawaf di dalam Masjidul Haram yang mana ianya lebih jauh dari Kaabah dan mengambil masa yang lama iaitu kira-kira 1 jam atau lebih untuk menghabiskan 7 pusingan Tawaf

Sehubungan itu, Jemaah Dunia telah mengambil jalan pendek dan salah dengan membelaikan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan pihak berkuasa Masjidul Haram. Mereka telah menyamar dan menipu dengan memakai ihram, seolah-olah mereka seperti mahu menunaikan ibadat umrah. Selepas berjaya memperdayakan Polis, Tentera atau pihak

berkuasa penjaga Pintu Masjidul Haram dan telah sampai ke Dataran Kaabah, mereka tidak melakukan ibadat umrah, sebaliknya melakukan ibadat lain seperti Tawaf Sunat, Tawaf Wada', Solat Berjemaah, duduk melihat Kaabah sambil berdoa dan berzikir dan lain-lain. Ini ternyata jelas melanggar perintah Kerajaan Arab Saudi sebagai Ulil Amri yang disebut dalam Al-Quran, dan melanggar Hadis Rasulullah saw yang melarang Jemaah Haji dan Umrah melakukan Dosa ketika mengerjakan ibadat di Tanah Suci Mekah disamping melanggar undang-undang yang ditetapkan.

### **Perspektif Fiqh Bagi Kedudukan dan Hukum Jemaah yang menipu memakai ihram ketika melakukan Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat di Dataran Kaabah Pada Musim Endemik Hari Ini**

Seseorang yang melaksanakan Ibadat Haji dan Umrah seharusnya menghindarkan dirinya daripada melakukan dosa dan perkara yang dilarang. Ini adalah kerana dibimbangi akan mengurangkan pahalanya dan menganggu kemaburuan Haji dan Umrahnya. Hal ini sepertimana permasalahan merokok yang dilakukan oleh Jemaah Haji ketika tinggal dan melakukan Ibadat Haji di Tanah Suci Mekah yang mana di sebut dalam Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan pada tahun 2009 iaitu Ianya berdosa dan menganggu kemaburuan Hajinya. Ini adalah kerana Merokok itu adalah haram dalam Fatwa malaysia dan Dunia. Melakukan sesuatu Ibadat yang wajib dan bercampur dengan perbuatan dosa adalah ditegah.

Dalam isu ini, Jemaah sepatutnya mentaati undang-undang dan peraturan yang telah di tetapkan oleh Pemimpin dan pemerintah Kerajaan Arab Saudi iaitu bagi Jemaah yang tidak melakukan ibadat Umrah atau Haji, tetapi ingin melakukan ibadat selain ibadat Umrah dan Haji seperti Tawaf Sunat dan Tawaf Wada', maka hendaklah melaksanakannya di Tingkat 1 atau 2 atau juga di tingkat 3 di dalam Masjidul Haram dan tidak menipu melakukannya di Dataran Kaabah.

Manakala kedudukan dan Hukum Jemaah yang sengaja menipu memakai ihram ketika melakukan Tawaf Wada' dan Tawaf Sunat di Dataran Kaabah dengan sengaja melanggar perintah Pemimpin atau pihak berkuasa Arab Saudi adalah berdosa dan dibimbangi akan menganggu kemaburuan Ibadat Haji dan Umrahnya.

Sultan atau pemerintah merupakan tonggak utama dalam sesebuah negara. Tanpa mereka, keadaan masyarakat di negara tersebut akan menjadi huru-hara kerana tidak ada orang yang bertanggungjawab untuk menguruskan

#### **Di dalam Al-Quran, Allah swt berfirman**

Terdapat banyak dalil menunjukkan wajib taat kepada pemimpin antaranya adalah firman Allah dalam **Surah an-Nisa ayat 59** yang bermaksud:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Ertinya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nabi Muhammad) serta ululamri (pemegang kekuasaan) di antara kamu. Jika kamu berbeza pendapat tentang sesuatu, kembalikanlah kepada Allah (Al-Qur'an) dan Rasul (sunahnya) jika kamu beriman kepada Allah dan hari Akhir. Yang demikian itu lebih baik (bagimu) dan lebih bagus akibatnya (di dunia dan di akhirat)."

### **Hadis Rasulullah saw**

#### **Bersih Seperti Bayi Yang Baru Dilahirkan**

Orang yang mengerjakan Haji dan Umrah tanpa cacat cela melakukan dosa dan melanggar perintah Allah swt serta mengikut segala syarat, rukun, wajib dan adab haji, akan bersih dari segala dosanya sama seperti bayi yang baru dilahirkan.

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيْوَمْ وَلَدَتُهُ أُمُّهُ

Maksudnya: "Sesiapa mengerjakan haji ke Baitullah dan tidak melakukan rafath (رَفَثٌ) (iaitu larangan bercampur dengan isteri termasuk juga segala yang menimbulkan nafsu berahi, sama ada dengan perbuatan atau perkataan) dan fusq (فسُوقٌ) (iaitu larangan maksiat, termasuk segala yang dilarang dalam masa mengerjakan haji seperti berburu dan lain-lain) jadilah keadaan dirinya bersih seperti baru dilahirkan oleh ibunya".

(Riwayat al-Bukhari, 1820; Muslim, 1350)

Syeikh Mutawalli al-Sya'rawi suruhan taat kepada pemerintah disertakan dengan ketaatan kepada Allah dan juga ketaatan kepada Rasulullah SAW. Hal ini menunjukkan bahawa ketaatan kepada pemerintah perlulah pemerintah itu didasari dengan ketaatan kepada Allah dan Rasulullah SAW supaya dengan itu masyarakat akan terpelihara dengan keimanan dan daripada penindasan terhadap rakyat di bawahnya.

Justeru itu, setiap pemerintah itu dituntut untuk menuai amanah dengan sempurna dan setiap pemerintah itu juga dituntut agar mereka sentiasa mentaati Allah dan Rasul-Nya. Sekiranya ini tidak berlaku, maka mereka itu akan digelar sebagai pemerintah yang zalim. [Lihat: *Tafsir al-Sya'rawi*, 2360/4]

Daripada Abi Bakrah RA, bahawa aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، فَمَنْ أَكْرَمَهُ أَكْرَمَهُ اللَّهُ، وَمَنْ أَهَانَهُ أَهَانَهُ اللَّهُ

Maksudnya: "Sultan (pemerintah) merupakan bayangan Allah di bumi. Barangsiapa yang memuliakannya maka Allah memuliakannya dan barangsiapa yang menghinanya maka Allah akan menghinanya." [Riwayat al-Baihaqi di dalam Syu'ab al-Iman (6988)] [Hadith ini dinilai sahih oleh Imam al-Suyuthi di dalam al-Jami' al-Saghir, 496/1]

Rasulullah SAW bersabda, "Patuh dan taat itu (pada pemimpin) adalah wajib bagi seseorang dalam hal apa yang ia suka atau benci, selama tidak diperintah berbuat maksiat. Jika diperintah maksiat, maka tidak wajib patuh dan taat."

(Hadis Riwayat Bukhari)

## JUSTIFIKASI UNDANG-UNDANG KERAJAAN ARAB SAUDI

Dalam situasi ini, sebagai umat Islam amat penting untuk kita bersikap *tabayyun* iaitu mendapatkan penjelasan dan bersangka baik terhadap segala tindakan yang diambil oleh pihak pemerintah Arab saudi. Kedudukan undang-undang dan peraturan yang telah di tetapkan oleh Pemimpin dan pemerintah Kerajaan Arab Saudi iaitu Hanya Jemaah Umrah dan Haji sahaja yang boleh berada di Dataran Kaabah bagi mengelakkan kesesakkan dan penularan Penyakit Covid-19 serta Influenza bukanlah satu keputusan yang mudah melainkan sudah tentu didatangkan dengan alasan dan justifikasi yang benar-benar kukuh.

Dalam menetapkan sesuatu keputusan, pemerintah Arab Saudi sentiasa akan mengambil kira kemaslahatan umum rakyatnya.

Kaedah menyebut:

تصَرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرِّعَايَةِ مَنْوَطٌ بِالْمَصْلَحةِ

Maksudnya: "Polisi pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah berasaskan kepada maslahat."

المصلحة العامة تُقدَّم على المصلحة الخاصة

**Maksudnya:** "Maslahat umum hendaklah didahulukan daripada maslahat khas."

Para ulama' menetapkan bahawa segala tindakan yang ditetapkan oleh pihak pemerintah wajib didasari dengan maslahat dan kebaikan terhadap masyarakat umum seluruhnya; iaitu rakyat yang berada di bawah tadbir urusnya. Sekiranya tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan dan objektif yang asal, maka tindakan tersebut dianggap tidak sah dan tidak terpakai dari sudut syarak. (Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, 2/308)

Melihat kepada kaedah yang kritikal ini, tindakan drastik yang diambil pihak kerajaan Arab saudi bagi menyekat Jemaah yang tidak menunaikan ibadat Umrah dan Haji beribadat di Dataran Kaabah

adalah bersandarkan kepada maslahat dan kepentingan umum agar dapat mengurangkan risiko penyebaran wabak Covid-19 dan Influenza daripada bertambah lebih teruk.

### **Perspektif Qawaid al-Fiqhiah dan Maqasid Syariah**

Dalam isu melarang Jemaah yang tidak melakukan ibadat Umrah dan Haji beribadat di Dataran Kaabah melainkan hanya di dalam Masjidul Haram dan sekitarnya sahaja seterusnya hanya membenarkan Jemaah yang melakukan ibadat Umrah dan Haji sahaja beribadat di Dataran Kaabah. Terdapat beberapa kaedah yang disebutkan oleh fuqaha' dalam berinteraksi dengan perkara yang boleh membawa kepada kemudaratian. Antaranya seperti berikut:

**Pertama: Antara hadith yang menjadi kaedah feqah masyhur ialah:**

لَا ضرر وَلَا ضرار

**Maksudnya:** “Janganlah memudaratkan diri sendiri dan memberi kemudaratian kepada orang lain.”

Riwayat Ibn Majah (2341) dan al-Daraqutni (4/228)

**Kedua:** Apabila berlaku kemudaratian, maka wajib dihilangkan kemudaratian tersebut. Ini berdasarkan kaedah:

الضرر يزال

**Maksudnya:** “Kemudaratian hendaklah dihilangkan.” (al- **Wajiz fi Idhah Qawaid al-Fiqh al-Kulliyyah**, 258)

**Ketiga:** Kemudaratian dihindari daripada berlaku dengan semampu mungkin. Ini berdasarkan kaedah fiqh:

الضرر يدفع بقدر الإمكان

**Maksudnya:** “Kemudaratian itu hendaklah dihindari semampu mungkin.” (al-**Wajiz fi Idhah Qawa'id al-Fiqh al-Kulliyyah**, 258)

Syekh al-Zarqa berkata: Mudarat hendaklah ditolak dengan semampu yang boleh. Jika boleh ditolak keseluruhannya, maka lakukanlah. Sebaliknya, jika tidak mungkin, maka hendaklah mengikut kadar kemampuan. (**Syarh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah**, hlm. 207)

Dalam menangani penularan wabak COVID-19 dan Influenza yang boleh tersebar melalui tempay yang sesak, Kebenaran hanya kepada Jemaah yang menunaikan umrah dan Haji sahaja yang boleh beribadat di Dataran Kaabah adalah bertepatan dengan kaedah-kaedah di atas bagi membendung

wabak tersebut daripada tersebar semula atau berkembang semula, sama ada dalam kalangan jemaah Haji dan Umrah tempatan mahupun dari seluruh negara lain. Kaedah tersebut sebagaimana kaedah yang dinyatakan dalam hadith Rasulullah SAW yang masyhur:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالظَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

**Maksudnya:** “Jika kamu mendengar penyakit taun melanda di suatu kawasan, janganlah kamu masuk ke kawasan tersebut. Dan jika kamu berada di kawasan tersebut, maka janganlah kamu keluar dari situ.”

Riwayat al-Bukhari (5728), Muslim (2218) dan Ahmad (21860)

Hadith ini menunjukkan pemerintah boleh mengambil tindakan kuarantin atau sebarang sekatan agar penyakit atau wabak tidak tersebar. ‘Abd al-Rahman bin ‘Auf R.A pernah menyebutkan hadith ini kepada Khalifah ‘Umar bin al-Khattab ketika beliau bercadang pergi ke Syam semasa wabak taun sedang merebak di sana. Mendengar hadith ini, Amirul Mukminin ‘Umar al-Khattab membatalkan hasratnya. (*al-Bidayah wa al-Nihayah*, 3/5)

**Keempat:** Kaedah *fiqh al-Aulawiyyat*:

درء مفاسد مقدم على الجلب المصالح

**Maksudnya:** “Menolak kemudarat itu hendaklah didahulukan daripada mendapatkan maslahat. (*Al-Asybah wa al-Nazair*, 87)

Apabila berlaku pertembungan antara memperoleh kebaikan dan menolak kemudarat, maka perlu diutamakan menolak kemudarat. Dalam isu takut kepada penularan semula wabak COVID-19 dan Influenza pada musim Haji dan Umrah tahun ini, maka perlu didahulukan menolak kemudarat iaitu dengan melarang Jemaah yang tidak melakukan ibadat Umrah dan Haji beribadat di Dataran Kaabah melainkan hanya di dalam Masjidul Haram dan sekitarnya sahaja seterusnya hanya membenarkan Jemaah yang melakukan ibadat Umrah dan Haji sahaja beribadat di Dataran Kaabah. Hal ini disebabkan kemudarat yang ada bersifat pasti atau sangkaan kuat iaitu boleh menggugat nyawa dan kesihatan jemaah lain. Dalam masa yang sama, ibadat selain dari Tawaf Wada’ dan Tawaf Sunat boleh dilakukan di dalam Masjidul Haram tanpa perlu pergi ke Dataran Kaabah.

**Kelima:** Memelihara *Maqasid Syariah* menjaga nyawa. (الضرورات الخمسة)

**Al-Daruriyyat al-Khamsah** dalam Maqasid Syariah iaitu keperluan yang manusia bergantung kepadanya sama ada dari sudut kehidupan beragama atau keduniaan. Jika ia tidak ada, maka akan berlaku kekurangan dan ketidak sempurnaan hidup manusia di dunia dan azab seksa di akhirat. Al-Daruriyyat yang asasi ini merangkumi lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda. Ia melibatkan kelangsungan hidup manusia. Menjaga nyawa merupakan prinsip yang kedua terpenting mengikut urutan keutamaan untuk dijaga selepas memelihara agama. (*al-Mustasfa Min ‘Ilm al-Usul*, 217)

Dalam isu melarang Jemaah yang tidak melakukan ibadat Umrah dan Haji beribadat di Dataran Kaabah melainkan hanya di dalam Masjidul Haram dan sekitarnya sahaja seterusnya hanya membenarkan Jemaah yang melakukan ibadat Umrah dan Haji sahaja beribadat di Dataran Kaabah. Ia dilakukan bagi menyelamatkan Jemaah daripada risiko terkena atau berjangkit penyakit COVID-19 yang boleh menyebabkan kematian atau masalah kesihatan yang berat seperti paru-paru dan jantung. Ia sesekali tidak membelakangkan prinsip pertama iaitu memelihara agama. Ini kerana, pelaksanaan ibadah Haji dan Umrah hanya diwajibkan dalam keadaan memiliki *istitha'ah* atau kemampuan. Dalam keadaan seseorang tidak mampu melindungi keselamatan dirinya atau menghindarkan dirinya daripada penyakit tersebut, maka ia tidak lagi termasuk dalam kategori golongan yang berkemampuan.

## **PANDANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI MALAYSIA**

Kebenaran memasuki Dataran Mataf Masjidil Haram bagi jemaah Haji. Kawasan Dataran Mataf Masjidil Haram adalah hanya bagi mereka yang hendak melakukan tawaf Umrah atau (Lil Muktamirin) atau tawaf Haji. Jemaah Haji Malaysia yang tidak berihram Haji atau Umrah adalah dinasihatkan tidak memasuki Dataran Mataf tersebut untuk tujuan tawaf sunat, solat atau ibadat yang lain kerana perbuatan tersebut adalah:

- i. Tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Arab Saudi.
- ii. Tidak bertepatan dengan adab dan akhlak Mahmudah.
- iii. Menambah kesesakan Dataran Mataf Kaabah.

Bagi Jemaah Haji yang berhasrat untuk tawaf sunat apabila memasuki Masjidil Haram tetapi tidak mampu untuk melakukannya di Tingkat atas, maka dinasihatkan melakukan solat Tahiyatul Masjid.

## **Dapatkan Data dari Tinjauan dan Temuramah dengan Polis, Tentera dan Penjaga Pintu Masjidil Haram**

Hasil dari tinjauan 2 kali bertugas Haji pada Musim Haji 2022 ( Jun – Ogos 2022) - dan Musim Haji 2023 ( Jun – Ogos 2023) serta 4 kali dalam bertugas Umrah iaitu pada Awal September 2022, Disember 2022, Mac 2023 dan November 2023, maka sati interview atau temuramah berjaya diadakan. Walaupun pada awalnya pihak Berkuasa Masjidil haram menolak untuk mengadakan temuramah kerana ianya dianggap maklumat sulit. Tetapi alhamdulilah berkat izin Allah swt, akhirnya beberapa anggota pihak berkuasa setuju untuk membantu memberi maklumat dalam melengkapkan penyelidikan ini tetapi dengan syarat gambar mereka tidak boleh diambil dan nama mereka tidak boleh dipaparkan kecuali nama pendek sahaja.

Apabila ditanya mengapa mereka membenarkan jemaah yang menyamar pakai ihram masuk ke laluan Dataran Mataf Kaabah sedangkan jelas mereka menyamar memakai ihram kerana diantara mereka nampak jelas disebalik ihram ada bayang-bayang memakai seluar, ada memakai t-shirt didalam ihram dan juga memakai sepatu bertutup penuh. Adakah pihak berkuasa Arab Sadi membenarkan perkara tersebut iaitu perbuatan menyamar. Soalan ini sangat penting kerana di depan pintu laluan pemeriksaan jelas terpapar perkataan “ Muharram only ” محرم فقط iaitu hanya dibenarkan jemaah yang memakai ihram sahaja yang dibenarkan masuk. Kita bimbang Jemaah

akan keliru apakah maksud “Muharram Only”. Adakah ianya bermaksud asalkan orang yang pakai ihram walau pun menyamar tetap boleh masuk ke Dataran Mataf Kaabah.

Salah seorang dari mereka yang mesra disapa Leftenan Salman telah menjawab dengan sempurna dari persoalan yang diajukan seperti berikut;

- i. Perkataan “Muharram Only” yang dilekatkan dipintu masuk ke Dataran Mataf Kaabah adalah bermaksud Jemaah yang berihram Umrah atau Haji. Dan ia bukanlah bermaksud dibenarkan seseorang yang tidak melakukan Umrah dan Haji menyamar memakai ihram dan dibenarkan masuk ke dataran mataf Kaabah.
- ii. Perkataan “Muharram Only” sepetimana termaktub dalam kitab Fiqh, iaitu bermaksud orang yang berihram melaksanakan ibadat haji dan Umrah. Katanya, mana ada Orang pakai ihram pergi pejabat, bawa teksi atau pergi berenang.
- iii. Pihak berkuasa Masjidil Haram tahu ramai jemaah dunia termasuk dari negara Malaysia yang menyamar memakai ihram masuk ke Dataran Mataf Kaabah semata-mata ingin duduk beribadat di depan Kaabah. Mereka tidak mampu menaha kesemuanya kerana jumlah jemaah Dunia yang ramai sedangkan mereka hanya ada 4-5 anggota di setiap pintu. Kerana itu mereka tidak mampu menahannya serta melepaskan mereka dengan niat mereka betul-betul dalam ihram. Namun begitu pihak berkuasa Masjidil Haram memaklumkan, jika jemaah Dunia menipu termasuk Jemaah dari Malaysia, maka itu هدا "بینک و بین الله" bermaksud “ Itu Perhitungan diantara kamu dengan Allah swt”. Allahu Akbar.

## KESIMPULAN

Justeru, dapat disimpulkan, seperti mana di sebut diatas dalam Muzakarah Haji Kebangsaan 2022 menyatakan, Dalam menjaga Adab Mahmudah, maka Jemaah Haji dinasihatkan tidak melakukan Tawaf Wada’ dan ibadat sunat yang lain di Dataran Mataf Kaabah bagi mentaati keputusan Kerajaan Arab Saudi disamping mengelakkan Masyaqqah di Dataran Mataf Kaabah serta mengekang wabak penyakit Covid-19 dari kembali menular.

Melakukan satu ibadat yang baik seperti melaksanakan ibadat haji dan Umrah tetapi dalam masa yang sama melakukan dosa yang sengaja dengan menipu menyamar memakai ihram walaupun pada hakikatnya tidak melaksanakan ibadat Umrah dan Haji tetapi sebaliknya muh bersenang-senang beribadat di depan kaabah di Dataran Mataf adalah berdosa dan dibimbangi akan menganggu kemaburuan Haji dan Umrahnya. Sesungguhnya dalam Islam, Matlamat tidak menghalalkan cara.

Bagi Jemaah yang sakit atau uzur tetapi muh elakukan Tawaf Sunat atau Tawaf Wada’, maka dinasihatkan tidak melakukan penipuan. Ini kerana pihak Berkuasa Arab Saudi telah menyediakan perkhidmatan Kereta atau motor Elektrik dan juga perkhidmatan upah kerusi roda di Masjidil Haram. Bagi yang tidak mampu dengan kewangan, maka bolehlah minta bantuan keluarga atau rakan sebilik meminjam kereta sorong yang disediakan oleh pihak Hotel, Travel atau waqaf disediakan untuk menolaknya di Masjidil Haram. Semoga dengan keikhlasan dan kejujuran kita

dalam beribadat dilihat dan dipandang Allah swt dan seterusnya dikurniakan Haji dan Umrah yang Mabrur. Amin Ya Allah.

## RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim

Al-Bakri, Zulkifli. 2011. *Kitab Taudih Syarah al-Idoh Manasik al-Hajj wal-Umrah*. Cetakan 2. Bangi. Darul Syakir.

Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu Abdullah. 1987. *Sahih Al-Bukhari*. Cetakan 2. Beirut. Dar ibnu Kathir.

al-Burnu, Muhammad Sidki Ahmad. 1997. *Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Riyadh. Maktabah at-Taubah.

al-Burnu, Muhammad Sidki Ahmad. 1996. *al-Wajiz fi Idhah Qawaaid al-Fiqh al-Kulliyyah*. Beirut. Muassasatu ar-Risalah.

Al-Fatani. Abdul Faqir al-Fatani Muhammad Bin Ismail Daud Fatani. *Matla Al-Badrain*

Al-Khin. Mustafa, al-Bugha, Mustafa, al-Syarbaji, Ali. 2004. *Fiqh Al-Manhaji Ala Mazhab Imam As-Syafi'i*. Cetakan 1. Jabatan Mufti Kerajaan Negeri. Negeri Sembilan.

Al-Makki, Abdul Fatah Hussain. 1995. *Kitab I'doh Fi Manasik Al-Hajj Wal-Umrah*. Cetakan 3. Makkah. Maktabah Al-Imdadiah.

Al-Munziri, Abdul Azim. *Al-Targhib Wa At-Tarhib*. 1968. Cetakan 3. Egypt. Dar Ihya al-Turath Al-Arabi

Al-Nadwi, Ali Ahmad. 2000. *Al-Qawaaid Al-Fiqhiah*. Cetakan 5. Damsyik. Dar Qalam.

Al-Nawawi, Muhyi al-Din Yahya bin Sharaf. *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Beirut. Lubnan. Dar Kutub al-Ilmiah.

Assubki, Imam Tajuddin Taqiyuddin. 1411-1441. *Al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut. Lubnan. Dar Kutub al-Ilmiah.

Al-Qusyairi. Muslim Al-Hujjaj Abu Hussain. *Sahih Al-Muslim*. Beirut. Dar Ihya AlTuras.

Al-Zuhaili, Wahbah. *Fiqh dan Perundangan Islam*. 1999. Dewan Bahasa Dan Pustaka. J.3. C.3.

Lembaga Tabung Haji Malaysia. *Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah*. 2008. Cetakan 2. Percetakan Warni Sdn. Bhd.

-Zaidan, Abdul Karim. 1993. *Al-Wajiz Fi-Usul Al-Fiqh*. Cetakan 1. Kaherah. Dar Tauzik Wa Nashru Al-Islamiah.

Zarqa, Ahmad. 1983. *Syarah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Beirut. Dar Gharb al-Islami.